



INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

// JAN - JUN 2017



INSIGHT: Bolehkah Puan menceritakan latar belakang Puan?

TKP: Saya telah dilahirkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Saya telah memulakan pengajian awal di SRK Batu Kikir, Negeri Sembilan sebelum menyambung pelajaran ke sekolah menengah di SMK Syeikh Hj. Mohd Said, Seremban, Negeri Sembilan. Setelah itu, saya telah melanjutkan pengajian ke Matrikulasi Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang undang-undang. Saya telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang pada tahun 1992. Saya mempunyai seorang anak lelaki berumur 19 tahun.

INSIGHT: Bolehkah Puan berkongsi latar belakang kerjaya atau professional Puan?

TKP: Saya telah memulakan perkhidmatan sebagai Penolong Kanan Pendaftar pada tahun 1993 di Bahagian Kebankrapan, Mahkamah Tinggi, Jalan Raja dan di Wisma Denmark Kuala Lumpur. Saya juga pernah bertugas sebagai Majistret selama (6) bulan di Kuala Lumpur. Saya juga pernah bertugas sebagai Penolong Kanan Pendaftar di Bahagian Sivil dan Bahagian Rayuan Kuasa-Kuasa Khas.

EDITORIAL HIGHLIGHT

**SESI TEMUBUAL BERSAMA
YBRS. PUAN ROZIELAWATY AB GHANI
TIMBALAN KETUA PENGARAH ILKAP**

Keseluruhannya, saya telah berkhidmat di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan selama 10 tahun. Pada tahun 2000, saya telah bertukar ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai Penasihat Undang-Undang atas arahan kenaikan pangkat. Setelah itu, saya meneruskan perkhidmatan sebagai Penggubal Kanan Undang-Undang di Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara, Penasihat Undang-Undang di Bahagian Hal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Semakan dan Pembaharuan Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara, Timbalan Pengerusi Tribunal Perumahan di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada 11 Mei 2011 sehingga 28 Februari 2017, saya telah dilantik sebagai Ketua Unit Guaman di Cawangan Kuala Lumpur. Saya telah bertukar ke ILKAP pada 1 Mac 2017.

DISCLAIMER

The information contained in this website is for general information purposes only. While we endeavour to keep the information up to date and correct, we make no representations or warranties of any kind, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to the website or the information contained on the website for any purpose. Any opinion expressed is the personal opinion of the contributors. Nothing on this website constitutes, or is meant to constitute advice of any kind. Any reliance you place on such information is therefore strictly at your own risk. In no event will we be liable for any loss or damage including without limitation, indirect or consequential loss or damage, or any loss or damage whatsoever arising from loss of data or profits arising out of, or in connection with, the use, reference to, or reliance of this website. The information is correct as at



INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

//JAN - JUN 2017

TKP:

Saya mengakui tugas menguruskan sebuah institusi seperti ILKAP bukanlah satu tugas yang mudah. Ini merupakan amanat untuk memastikan kursus bagi pegawai kehakiman, perundangan dan agensi adalah relevan, berkualiti dan berkesan. Oleh itu, saya amat mengharapkan kerjasama semua warga ILKAP untuk membantu saya menunaikan amanat ini.

INSIGHT: Apakah visi / misi yang ingin dicapai oleh Puan sebagai Timbalan Ketua Pengarah ILKAP?

TKP:

Misi utama yang diamanah kepada ILKAP oleh pihak Lembaga Pengurusan ILKAP adalah untuk mengendalikan Kursus yang diiktiraf oleh MQA (Agensi Kelayakan Malaysia) dalam masa yang terdekat ini. Selain itu, saya juga berharap dapat meningkatkan Kursus Kerjasama ILKAP dengan penglibatan negara-negara di Asia Tenggara. Secara tidak langsung ILKAP dapat meningkatkan reputasinya ke peringkat luar Negara. Bagi mencapai tujuan tersebut, semua warga ILKAP perlu memberi komitmen dan kerjasama yang tinggi bagi mencapai misi dan visi ILKAP.

Harapan utama saya sejak memulakan perkhidmatan di ILKAP adalah untuk mewujudkan satu suasana yang harmoni dalam melaksanakan tugas-tugas harian kita. Oleh itu, saya berharap semua warga ILKAP dapat terus mengamalkan budaya hormat menghormati di antara satu sama lain. Ini kerana sebagai salah seorang warga ILKAP, kita diibaratkan sebuah keluarga yang besar dan perlu bekerja sebagai satu pasukan.

INSIGHT: Puan juga merupakan Pengerusi Puspanita Cawangan Kecil di ILKAP, apakah perancangan Puan selaku Pengerusi Puspanita Cawangan Kecil di ILKAP?

TKP:

Pengerusi Puspanita Cawangan Kecil di ILKAP telah merancang pelbagai aktiviti yang difikirkan dapat memberikan manfaat kepada ahli. Antaranya adalah penganjuran kelas memasak, Zumba, bazar dan ceramah keagamaan. Saya percaya penyertaan ahli dalam aktiviti-aktiviti sebegini dapat mengeratkan silaturahim dan secara tidak langsung memupuk perpaduan antara ahli-ahli. Saya berharap aktiviti-aktiviti Puspanita Cawangan Kecil di ILKAP akan mendapat sambutan dan sokongan daripada semua ahli.

INSIGHT: Sudikah Puan berkongsi harapan Puan dalam menjalankan amanat sebagai Timbalan Ketua Pengarah ILKAP?

TKP:

Seperti yang saya tekankan sebelum ini, “bersatu teguh, bercerai roboh”. Dalam menjalankan amanah saya sebagai Timbalan Ketua Pengarah ILKAP saya memerlukan kerjasama daripada semua warga ILKAP untuk merealisasikan misi ILKAP sebagai peneraju kecemerlangan pembangunan modal insan dalam bidang kehakiman dan perundangan yang terkemuka menjelang tahun 2020, sejajar dengan Pelan Strategik ILKAP 2015-2020. Harapan saya adalah untuk melihat ILKAP berjaya mengorak langkah sebagai salah sebuah pusat latihan kehakiman dan perundangan yang terkemuka di rantau ASEAN sebelum kita pergi ke peringkat global.



INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

// JAN - JUN 2017

ARTIKEL: RANG UNDANG-UNDANG JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK LULUS

KUALA LUMPUR 26 April - Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang menganggap kanak-kanak sebagai saksi kompeten bagi kes jenayah diluluskan Dewan Negara, hari ini. RUU itu dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said dan diluluskan selepas dibacakan kali ketiga di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Seri S.A.Vigneswaran, kira-kira pukul 8.35 malam. Azalina ketika sesi penggulungan berkata, RUU itu menggariskan mengenai keterangan saksi kanak-kanak, walaupun berlawanan dengan mana-mana keterangan, tidak kira samaada secara bersumpah atau tidak disokong, tetap diterima di mahkamah untuk disabitkan kesalahan. "Perkara ini mengambil kira situasi kanak-kanak yang senang menjadi mangsa kerana tiada sesiapa yang mempercayai golongan ini, sedangkan kajian pakar mendapati kanak-kanak tidak pandai menipu," katanya. Pada masa sama, Azalina memberitahu, RUU tersebut adalah akta pertama dan menjadi sejarah dalam sistem perundangan negara kerana mewujudkan definisi pornografi terhadap kanak-kanak. "Definisi kanak-kanak menurut RUU ini adalah melakukan sesuatu perkara seksual mengenai seseorang yang kelihatan seperti kanak-kanak, imej grafik atau visual kelihatan seakan kanak-kanak antara yang membantu pihak berkuasa untuk mendakwa pesalah," katanya. RUU berkenaan turut menetapkan hukuman lima tahun penjara, enam sebatan dan minimum bayaran denda berjumlah RM5,000. Jelas Azalina, meskipun diakui ada beberapa pihak yang mempertikaikan mengenai sebatan keatas pesalah yang berusia, namun kerajaan bertegas tidak akan berganjak daripada kekal dengan hukuman tersebut. Menurutnya, kerajaan tidak akan bertoleransi terhadap pesalah berkenaan kerana tidak berfikir terlebih dahulu sebelum membuat jenayah terhadap kanak-kanak. RUU yang bertujuan melindungi kanak-kanak daripada jenayah seksual dan dicadangkan terpakai kepada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, selaras dengan Akta Kanak-kanak 2001, telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 4 April lalu.

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/ruu-jenayah-seksual-kanak-kanak-lulus>

© UtusanMelayu (M) Bhd



INSIGHT


ILKAP E-NEWS LETTER

// JAN - JUN 2017

ARTIKEL: JOM BACA DAN PINJAM TANPA ANDA PERLU KE PERPUSTAKAAN

Pernahkah anda dengar tentang perkhidmatan U-Pustaka atau Ubiquitous Library? Jom sama-sama layari <http://www.u-library.gov.my> dimana anda boleh baca dan rujuk pelbagai maklumat secara maya dimana juga anda berada. Anda juga dapat menyemak katalog buku perpustakaan terpilih untuk meminjam buku. Bahan yang dipinjam dihantar terus kepada anda melalui perkhidmatan Pos Laju dengan kos penghantaran yang boleh dibayar secara online.

Mudah sahaja anda hanya perlu mendaftar sebagai ahli U-Pustaka melalui laman web untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan secara percuma, jadi tunggu apa lagi daftarkanlah.



Perkhidmatan u-Pustaka merupakan satu inovasi yang memanifestasikan sinergi kolaboratif dari Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), dengan sokongan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) serta ahli-ahli Konsortium u-Pustaka seperti berikut:



Seiringan dengan itu, Projek Perintis u-Pustaka direalisasikan menerusi kolaborasi inovatif bersama/dengan agensi-agensi berikut:





INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

// JAN - JUN 2017

LAPORAN: ILKAP SPEAKER SERIES (ISS) BIL.1/2017

Program ILKAP Speaker Series (ISS) Bil.1/2017 telah diadakan pada 19 Mei 2017 di Auditorium ILKAP. ISS merupakan satu platform perkongsian pengetahuan bersama penceramah terkenal dan terkemuka di kalangan pengamal undang-undang untuk berkongsi pengalaman dan idea-idea mereka mengenai isu undang-undang semasa. YAA Tan Sri Dato' Seri Md Raus bin Sharif, Ketua Hakim Negara telah dijemput untuk menyampaikan syarahan bertajuk "Judicial Review : The Malaysian Experience". Program ini telah dihadiri oleh seramai 330 orang peserta yang dihadiri daripada Hakim Besar Malaya, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Pesuruhjaya Kehakiman, pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan dan lain-lain agensi serta jabatan kerajaan.



LAPORAN: OUTREACH 2017

Forum bertajuk "Hard Talk: A-Z Children In Contact with the Law" telah berjaya diadakan pada 13 Mei 2017 oleh ILKAP secara kolaborasi bersama dengan pejabat YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Jabatan PEGUAM NEGARA, Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Kemajuan dan Masyarakat, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Badan PEGUAM Malaysia bertempat di Auditorium ILKAP.

Forum ini adalah program rentetan daripada Kursus "Course on Managing Sexual Offences Against Children" yang diadakan bermula daripada 11 Mei 2017 hingga 13 Mei 2017 bertempat di Bangunan MTCP, ILKAP.

Forum ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, pada 13 Mei 2017 yang lalu. Forum ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan kehadiran seramai 290 orang jemputan daripada pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan.

Tujuan utama forum ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran pegawai undang-undang dan kehakiman khasnya dan umumnya kepada masyarakat sekeliling berkenaan dengan Rang Undang-undang (RUU) Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 26 April 2017 yang lalu, yang mana melibatkan peruntukan undang-undang secara spesifiknya menangani kes-kes jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak.





INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

// JAN - JUN 2017

LAPORAN: KURSUS MEDIA DAN UNDANG-UNDANG BERSAMA JABATAN PEGUAM NEGARA (24 – 25 MEI 2017)

Kursus Media dan Undang-Undang ini telah dijalankan pada 24 hingga 25 Mei 2017 bertempat di Bilik Kuliah, Bangunan MTCP, ILKAP. Kursus tersebut adalah anjuran bersama Jabatan Peguam Negara dan Malaysian Press Institute (MPI). Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 30 orang wartawan di Malaysia.

LAPORAN: KONVENSYEN KAUNSELING KEBANGSAAN KALI KE-20 (23 – 24 MEI 2017)

Konvensyen Kaunseling Kebangsaan Kali Ke-20 telah didadakan pada 23 hingga 24 Mei 2017 bertempat di Auditorium ILKAP. Konvensyen ini berjaya diadakan dengan anjuran bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (Universiti) dan Kementerian Dalam Negeri (AADK). Konvensyen ini telah dihadiri oleh 250 peserta yang terdiri daripada kaunselor-kaunselor dari pelbagai agensi kerajaan antaranya ialah sekolah dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

Objektif konvensyen ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pakar-pakar dalam profesion membantu, menyebarkan dapatan penyelidikan baru berkaitan kesejahteraan komuniti, meningkatkan dialog intelektual dan pertukaran idea, perkongsian amalan berkesan dalam kalangan pengamal berkaitan kesejahteraan komuniti abad ke 21, menggalakkan jaringan kerja dalam kalangan stakeholders dan menarik lebih banyak penglibatan NGO, NPO, GLC dan sektor swasta dalam perkhidmatan komuniti.





INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

// JAN - JUN 2017

AKTIVITI DI ILKAP:

- MAJLIS MAKAN MALAM DAN MAJLIS JASAMU DIKENANG ILKAP 2017
(3 FEBRUARI 2017)



- PROGRAM LATIHAN TRANSFORMASI NEGARA (KHAS)
(5 - 7 FEBRUARI 2017)





INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

// JAN - JUN 2017

AKTIVITI DI ILKAP:

- MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN ILKAP
(31 MAC 2017)



- PROGRAM JOM BACA 10 MINIT
(25 APRIL 2017)





INSiGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

// JAN - JUN 2017

AKTIVITI DI ILKAP:

- CERAMAH DIAMBANG RAMADHAN
(5 MEI 2017)

